

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI
[TANGGA BATU]**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bidang-bidang baru sektor pekerjaan dan perniagaan yang diwujudkan oleh Kerajaan maupun swasta dan persendirian pasca Pandemik COVID-19.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pandemik COVID-19 telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi semasa. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif bagi memastikan kesan COVID-19 kepada rakyat dapat dikurangkan dan ekonomi dapat beroperasi dalam norma baharu melalui skim PRIHATIN dan PENJANA.

2. Buat masa ini, rakyat Malaysia yang terkesan dengan pandemik ini masih berpeluang untuk memohon insentif PENJANA. Bagi golongan yang ingin memulakan atau mengekalkan kelangsungan perniagaan, boleh memanfaatkan inisiatif seperti pembiayaan PKS PENJANA, kempen e-dagang kepada perusahaan mikro dan PKS, kempen *Shop Malaysia Online* serta Pusat Sehati *MyAssist SME* di bawah Tonggak Melonjakkan Perniagaan. Bagi golongan pekerja pula, mereka boleh memanfaatkan inisiatif di bawah Tonggak Memperkasakan Rakyat seperti

program kemahiran dan peningkatan kemahiran, perlindungan sosial dan latihan bagi pekerja ekonomi gig, insentif pengaturan kerja fleksibel, subsidi penjagaan anak dan bantuan sosial bagi golongan mudah terjejas.

3. Pertumbuhan ekonomi pasca Covid-19 dijangka akan dipacu oleh pertumbuhan sektor perkhidmatan dan pembuatan dengan disokong oleh sektor pertanian. Pemacu utama sektor perkhidmatan adalah subsektor maklumat dan komunikasi serta pengangkutan dan penyimpanan. Sektor pembuatan pula akan didorong oleh subsektor berkaitan petroleum serta elektrik dan elektronik. Pertumbuhan sektor ini juga akan diterajui oleh pengeluaran produk yang lebih terkini selaras dengan teknologi 4IR seperti industri kimia, mekanikal dan elektrik (M&E) dan alatan perubatan serta subsektor aeroangkasa. Manakala sektor pertanian akan dipacu oleh subsektor agromakanan yang berorientasikan pertanian moden dan disokong oleh subsektor agrkomoditi.

4. Pewujudan pekerjaan akan bergantung kepada pertumbuhan sektor dalam ekonomi. Sehubungan itu, pekerjaan baharu yang dijangka akan diwujudkan dan pekerjaan sedia ada yang akan bertumbuh adalah pekerjaan berkaitan dengan sektor-sektor ekonomi seperti yang dinyatakan. Antaranya adalah pegawai penyelidik dan pembangunan, pentadbir sistem komputer, pegawai keselamatan sistem komputer, operator meja bantu komputer, pakar rantai bekalan dan perolehan, pegawai operasi gudang, jurutera kimia, jurutera elektrik, jurutera elektronik, jurutera mekanikal, jurutera peralatan perubatan, jurutera aeroangkasa, eksekutif ladang pertanian, operator dron, eksekutif jualan, pegawai pemasaran dan juruanalisis data.

5. Pembangunan industri di Malaysia perlu bergerak seiring dengan perkembangan global dan transformasi digital untuk terus kekal berdaya saing. Keadaan ini menyebabkan proses kerja dan kaedah perniagaan sedia ada perlu dinaik taraf menggunakan teknologi yang lebih tinggi dalam rantai nilai. Kesannya, landskap kerjaya dalam pasaran buruh mengalami perubahan yang pesat dan memerlukan tenaga buruh yang dinamik dari segi pengetahuan serta kemahiran.

Sekian, terima kasih.